

AGAMA ITU NASIHAT

Adab Tertib di Masjid

Kita sama-sama menyaksikan, bahawa masjid pada tiap-tiap hari Jumaat penuh didatangi oleh kaum muslimin, bahkan kadang-kadang sampai melimpah keluar.

Melihat ini, kita sangat bersyukur kepada Allah *subhānahu wa ta'ālā*, bahawa manusia semakin banyak yang menyembah-Nya, dan agama-Nya semakin dijunjung tinggi, lebih dari segala yang dapat difikirkan oleh manusia.

Mudah-mudahan dengan banyaknya manusia yang mendekati masjid, dan memohonkan hidayat kepada Allah, semakin banyaklah manusia yang menjadi baik akhlakunya, dan berkuranglah kejahatan dan maksiat yang dilakukan orang.

Dalam bergirang itu, ada pula beberapa perkara yang seyogianya mendapat perhatian kita, kerana termasuk dalam perbaikkan masjid-masjid Allah juga, iaitu tentang tata tertib orang-orang yang datang bersembahyang di dalamnya.

Bukan semua orang yang masuk ke dalam masjid itu mengetahui tata tertibnya. Masih ada yang tidak mengetahui dan melanggarnya, sehingga mengganggu ketenteraman di dalam masjid. Perkara yang banyak dilakukan orang di dalam melangkah bahu orang yang sedang duduk atau sedang sembahyang, kerana hendak mencari tempat di barisan hadapan.

Sebenarnya masjid itu bukanlah seperti panggung wayang, berkelas-kelas, berbeza-beza kedudukan orang. Masjid

itu rumah Allah, semua hamba-Nya yang beriman dan hendak beribadat boleh masuk ke dalamnya. Siapa sahaja yang datang lebih dahulu walaupun ia rakyat jelata, maka berhaklah ia duduk di barisan hadapan. Dan siapa sahaja yang datang kemudian, walaupun ia seorang orang besar, maka seyogialah ia duduk di belakang.

Orang yang datang dahulu harus tahu, bahawa tempatnya ialah di barisan hadapan, dan orang yang datang kemudian, tempatnya ialah di belakang. Yang di barisan hadapan mestilah ia mengatur safnya supaya jangan ada tempat yang kosong, dan supaya orang di belakang tidak melangkah ke hadapan.

Dalam hal ini, junjungan kita Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa 'ālihi wa sallam*, telah memberi pertunjuk. Ketika baginda sedang berkhotbah pada hari Jumaat, tiba-tiba datang seorang lelaki melangkahi bahu orang. Nabī pun menegur orang itu dengan tegas, sabdanya :

“ijlis faqad ādhayta wa ānayta”. (Rawāhu Ahmad).

“Duduklah engkau! Maka sesungguhnya engkau telah mengganggu orang dan engkau telah berlaku lambat datang ke masjid.”

Pada suatu riwayat (hadīth) yang lain, ada diterangkan, bahawa pada waktu Nabī (S.A.W) berkhotbah, tiba-tiba datang seorang lelaki melangkahi bahu orang, lalu menuju ke hadapan dan duduk berhampiran dengan Nabī. Setelah Rasulullah (S.A.W) selesai sembahyang, baginda pun menegur orang itu. Orang yang tersebut menjawab bahawa ia ingin sangat mendapat tempat yang boleh dilihat oleh Nabī. Mendengarkan itu, Junjungan (S.A.W) bersabda :

“Qad ra’aituka tatakhattā riqāba al-nās wa tu’dhīhim,

“Idhā qulta liṣahibika yawma al-jumu‘ah inṣitta wa al-’imāmu

man ādhā musliman faqad ādhānī wa man ādhānī faqad

yakhtubu faqad laghawta.” – (al-Bukhāri wa Muslim).

ādhā Allāhu ‘azza wa jalla.” – (Al-Ṭabrani).

“Apabila engkau berkata kepada sahabatmu pada

“Sesungguhnya aku telah melihat engkau melangkahi

hari Jumaat : “Diamlah engkau”, padahal imam sedang

bahu orang dan engkau mengganggu mereka. Barangsiapa

berkhutbah, maka sesungguhnya engkau telah lakukan

mengganggu orang, maka sesungguhnya ia telah mengganggu

perkara yang sia-sia.”

aku, dan barangsiapa mengganggu aku, maka

Maksud “sia-sia” di sini ialah luput daripada

sesungguhnya ia telah mengganggu Allah ‘azza wa jalla.”

beroleh pahala Jumaat.

Langgaran tata tertib yang lain, ialah suara

Dengan menjaga dua jenis adab tertib tadi,

bising orang bercakap dalam masa imam sedang berkhutbah.

iaitu tidak melangkahi bahu orang, dan tidak

Jangan bercakap, sedangkan menegur orang supaya


bercakap ketika imam sedang membaca khutbah, *‘in shā’a Allāh*

diam sahaja sudah terlarang. Perhatikanlah sabda Nabī

suasana di dalam masjid menjadi baik, dan lain-lain

ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam :

adab tertib akan terpelihara.



“Masjid Al-Sayyidah

Zainab” salah sebuah masjid yang masyhur di Mesir dengan bentuknya yang indah dan menarik. Masjid ini didirikan pada tahun 1302 Hijriah (1884) kerana memperingati Siti Zainab raḍiya Allāhu ‘anha yang telah wafat di Mesir. Siti Zainab ini ialah cucu Rasulullah (SAW). Ayahandanya : Saydina ‘Ali dan bondanya : Siti Fāṭimah Al-Zahrā’ – raḍiya Allāhu ‘anhum.